



## PERCERAIAN SECARA *FAST TRACK*

### LATAR BELAKANG

Pasangan yang mencapai persetujuan bersama untuk bercerai tidak perlu lagi menunggu 90 hari bagi menyelesaikan kes mereka. Sebaliknya, proses tersebut dapat diselesaikan kurang 6 jam apabila Jabatan Kehakiman Syariah Selangor (JAKESS) memperkenalkan sistem *fast track* bagi kes perceraian. Disamping itu, di bawah sistem tersebut tempoh masa penyelesaian kes perceraian dengan talak yang difailkan secara persetujuan bersama di bawah Seksyen 47 Undang-undang Keluarga Islam Negeri Selangor 2003 (EUKIS) dapat dipendekkan iaitu dengan bermulanya daripada masa pendaftaran kes sehinggalah perintah bertulis dikeluarkan.

### PUNCA KUASA

Punca kuasa pelaksanaan sistem *fast track* ini adalah satu projek *Key Focus Activity* (KFA) iaitu satu rangka kearah inovasi yang melibatkan proses pentadbiran sahaja dan ia adalah hasil cetusan idea Hakim-hakim Syarie Negeri Selangor ketika membincangkan mengenai langkah-langkah strategik bagi penyelesaian kes-kes perceraian yang tertangguh di Mahkamah Syariah Negeri Selangor. Pelaksanaan sistem *fast track* ini telah mula diperkenalkan di beberapa Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Selangor sejak November 2014 bagi menilai keberkesanan pelaksanaannya.

### TUJUAN PELAKSANAAN

Tujuan sistem *fast track* ini dihasilkan selaras dengan hasrat DYMM Sultan Selangor yang mengharapkan agar JAKESS sentiasa berusaha bagi menyegerakan penyelesaian kes-kes di Mahkamah Syariah Selangor terutamanya kes-kes berkaitan pembubaran perkahwinan. Antara punca utama yang menyebabkan berlakunya kelewatan yang dikenal pasti ialah Mahkamah Rendah Syariah Selangor tidak mempunyai sebarang arahan atau proses kerja yang khusus bagi menyegerakan kes cerai yang difailkan atas persetujuan bersama. Sebaliknya, Mahkamah Rendah Syariah Selangor hanya bergantung sepenuhnya kepada prosedur biasa yang melibatkan proses kerja kes-kes yang tidak mempunyai persetujuan bersama antara pihak-pihak yang terlibat sehingga menyebabkan kes perceraian ini mengambil masa selama 60 hari untuk diselesaikan di peringkat pendaftaran dan perbicaraan. Tempoh masa selama 30 hari pula diperlukan untuk penyediaan perintah bersih secara bertulis yang perlu ditandatangani oleh Hakim atau Pendaftar dan dimeterai.

Penyelesaian yang dimaksudkan ialah kes tersebut selesai didaftarkan, dibicarakan dan diputuskan oleh


Hakim, disediakan perintah kes cerai tersebut secara bertulis (perintah bersih) yang ditandatangani oleh Hakim atau Pendaftar dan dimeterai dengan meterai Mahkamah serta diserahkan kepada suami dan isteri yang terlibat dalam kes tersebut dalam tempoh enam jam dari masa pendaftaran kes.

### SYARAT PELAKSANAAN SISTEM *FAST TRACK*

Pelaksanaan sistem *fast track* ini hanya dapat dijalankan tertakluk kepada lima syarat seperti yang berikut:

1. Dokumen mesti lengkap;
2. Suami dan isteri hadir semasa kes didaftarkan;
3. Suami dan isteri bersetuju untuk bercerai melalui persetujuan bersama;
4. Isteri mesti dalam keadaan suci (tidak haid), tidak dicampuri oleh suami dan tidak mengandung; dan
5. Mahkamah berpuashati dengan alasan pecah belah (*syiqaaq*) dalam perkahwinan tersebut.

Berikut dinyatakan statistik Rekod Kes Perceraian secara *Fast Track* bermula tahun 2015-2018.



Sumber daripada Mahkamah Rendah Syariah Hulu Langat.

### KEBERKESANAN PELAKSANAAN SISTEM *FAST TRACK*

1. Mengurangkan kos dan beban tugas kakitangan mahkamah.
2. Berdasarkan statistik kajian kepuasan pelanggan yang dibuat oleh JKSM mendapati 95% pelanggan berpuashati dengan pelaksanaan sistem atau proses kerja *fast track* ini yang mana ianya dapat meningkatkan masa pelanggan untuk berurusan di Mahkamah.

Disediakan oleh:

Nur Zulfah Binti Md Abdul Salam

Pensyarah

Jabatan Undang-undang,

Fakulti Syariah dan Undang-undang KUIS